



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/09/20\_19 (HQ)

### TNB, KEPPEL, DAN SP POWERASSETS BERGANDING BAHU MEMACU PERDAGANGAN TENAGA ASEAN

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengorak langkah maju dalam perdagangan tenaga serantau dengan menandatangani perjanjian bersama Keppel Electric Pte. Ltd. (Keppel) dari Singapura bagi membekalkan sehingga 100MW tenaga elektrik. Perjanjian merentas sempadan ini yang melibatkan talian sambungtara sedia ada akan dapat meningkatkan kerjasama tenaga antara Malaysia dan Singapura.

Perjanjian ini merupakan sebahagian daripada Projek Integrasi Tenaga Lao PDR-Thailand-Malaysia-Singapura (LTMS-PIP), yang dirancang untuk mengukuhkan jaminan bekalan tenaga dan kelestarian tenaga di seluruh ASEAN.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan menyatakan bahawa perjanjian ini adalah selari dengan matlamat tenaga ASEAN serta memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab tenaga serantau.

“Sebagai penggiat utama dalam Grid Tenaga ASEAN (APG), TNB komited untuk mempertingkatkan keselamatan tenaga dan memimpin peralihan tenaga serantau. Perjanjian ini bukan sahaja menyokong perdagangan tenaga rentas sempadan tetapi juga memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam sambungtara tenaga serantau,” katanya.

Perjanjian tersebut ditandatangani hari ini (20 September 2024) oleh Megat Jalaluddin dan Pengarah Urusan Keppel, Janice Bong, dengan disaksikan oleh Setiausaha Syarikat TNB, Ali Munawar Salim dan Penolong Pengarah Urusan Keppel, Andrew Toh di TNB Platinum, di Bangsar, Kuala Lumpur.

Peranan TNB dalam APG menyokong kesalinghubungan tenaga serantau dan perdagangan tenaga pelbagai hala. Usaha ini adalah penting kerana Malaysia kini menjadi penggiat utama dalam membekalkan tenaga kepada pusat data dan sektor intensif tenaga di rantau ini.

S.A. 2024/09/20\_19 (HQ)

Pada majlis yang sama, TNB turut menandatangani Perjanjian Sambungtara Perdagangan Tenaga Rentas Sempadan dengan SP PowerAssets Limited bagi memastikan penghantaran elektrik yang stabil antara Malaysia dan Singapura. Inisiatif-inisiatif ini menyokong peralihan tenaga ASEAN yang lebih luas, dengan mengutamakan sambungtara dan kecekapan grid berikutan permintaan tenaga serantau yang semakin meningkat.

Pelaburan berterusan TNB dalam pemodenan grid termasuk teknologi grid pintar, sambungtara dan integrasi tenaga boleh baharu (TBB) menjadikan Malaysia kekal di hadapan dalam perjalanan ASEAN menuju kesepaduan tenaga yang lebih mendalam dan menjamin bekalan tenaga dalam jangka masa panjang.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 20 September 2024, jam 5:00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 / [Faiq Haikal](mailto:Faiq.Haikal@tnb.com.my) 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

### **Mengenai Tenaga Nasional Berhad**

Tenaga Nasional Berhad ([www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan jejak antarabangsa di United Kingdom, Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Cambodia. Dalam bidang Tenaga Boleh Baharu setakat Disember 2023, TNB memiliki kapasiti bekalan elektrik berjumlah 3,119MW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 1,183MW di seluruh UK, Ireland, Australia dan Turkiye yang meliputi penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Di samping menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 Jun 2024, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 11 juta pelanggan.



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (dua kiri) dan Pengarah Urusan Keppel, Janice Bong (dua kanan) menandatangani perjanjian jual beli untuk TNB membekalkan sehingga 100MW tenaga elektrik ke Singapura. Majlis menandatangani perjanjian tersebut disaksikan oleh Setiausaha Syarikat TNB, Ali Munawar Salim (kiri) dan Penolong Pengarah Urusan Keppel, Andrew Toh (kanan) di TNB Platinum, Bangsar hari ini.



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (dua kiri) dan Pengarah SP PowerAssets Limited, Ong Teng Koon (dua kanan), telah menandatangani Perjanjian Sambungtara Perdagangan Tenaga Rentas Sempadan bertujuan memastikan penghantaran elektrik yang stabil antara Malaysia dan Singapura. Majlis menandatangani perjanjian ini turut disaksikan oleh Ketua Pegawai Regulatory & Stakeholder Management TNB, Datuk Ir. Ts. Shamsul Ahmad (kiri) serta Pengurus Besar Rangkaian Penghantaran dan Operasi Elektrik SP PowerAssets Limited, Kane Neo (kanan).